

174

# 'Perwakilan berbagai golongan jamin kestabilan dan kemakmuran M'sia'

# KERAJAAN SATU KAUM: TIDAK-DR. M

COPENHAGEN 29 Mei -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata di sini walaupun Malaysia boleh diperintah oleh satu bangsa, tetapi dasar itu tidak akan diamalkan.

"Malaysia akan terus diperintah oleh sebuah kerajaan berbilang kaum kerana cara ini saja dapat menjamin kestabilan politik dan kemakmuran-nya," katanya kepada para wartawan Denmark di satu sidang akhbar pagi ini.

Dr. Mahathir yang sedang dalam rangka lawatan ke negara-negara Eropah menambah, Kerajaan Barisan Nasional yang mengandungi perwakilan dari berbagai golongan dan

DARI KHALID MOHD



Datuk Sri Dr. Mahathir

akibat yang buruk sung-

untuk mencapai kerjasama ekonomi, yang merupakan asas bagi Kesatuan Ekonomi Eropah, saya khuatir kita tidak akan berjaya dengan sepenuhnya."

"Kita mestilah terlebih dahulu menumpukan perhatian kepada penyatuan kebudayaan dan politik untuk merapatkan lagi hubungan dan memahami antara satu sama lain, dan kemudian melangkah ke arah kerjasama ekonomi."

bongan itu, telah mendapati bahawa perdagangan dengan mereka lebih menguntungkan Malaysia.

Kadar pengangguran di negara-negara tersebut juga adalah tinggi dan ini telah sebanyak sedikit menghalang pelaburan mereka di negara-negara lain.

keturunan rakyat telah membuktikan kemampuannya mewujudkan kestabilan politik dan satu masa depan yang cerah kepada rakyat.

Beliau berpendapat, kemakmuran di Malaysia adalah kerana rakyatnya yang pragmatik yang sanggup menghadapi kenyataan dan bukan semata-mata kerana negara itu kaya dengan sumber-sumber semula jadi.

Mengenai masalah perkauman Dr. Mahathir berkata, perkara ini terdapat di mana-mana sahaja termasuk di Eropah, Britain dan Amerika Syarikat. "Ini adalah satu fenomena biasa," ujar beliau.

Namun begitu, Dr. Mahathir menegaskan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah dapat membendung apa juga masalah perkauman yang boleh mencetuskan

gugupn ia bukanlah satu perkara yang mudah dilakukan.

"Kami sangat berhati-hati dalam mentadbirkan negara kami sejak mencapai kemerdekaan 20 tahun yang lalu," ujarnya.

Mengenai ASEAN, Dr. Mahathir berkata kelima-lima negara mestilah terlebih dahulu memahami antara satu sama lain dari segi kebudayaan dan politik sebelum kejayaan di bidang kerjasama ekonomi, dapat dicapai.

"Kita perlu memahami kebudayaan dan pendekatan terhadap sebarang masalah yang dijalankan oleh negara-negara anggota."

"Jika ini tidak dilakukan, dan sebaliknya terus menjalankan usaha

Mengenai perbincangannya pagi tadi dengan Menteri Kehakiman

Denmark, Encik Erling Jensen (bekas Menteri Perdagangan dan Perniagaan), Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, soal pengangguran di Denmark telah disentuh sebagai faktor penghalang pelaburan negara itu di Malaysia.

Di masa yang sama pula, Menteri Denmark itu yakin bahawa banyak kebaikan akan terhasil dari pelaburan Denmark di Malaysia di samping meningkatnya hubungan pelaburan antara kedua-dua negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa boleh dikatakan kesemua Negara Eropah yang dilawat oleh rom-